

UMS kaji punca ramai graduan tak dapat kerja

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini melahirkan kira-kira 3,000 graduan setahun tetapi masih ramai yang gagal mendapat pekerjaan, sekali gus mendorong pihak pentadbirannya menjalankan kajian bagi mengetahui pasti puncanya.

Pembantu Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat negeri, Datuk Jainab Ahmad, berkata kajian mengenai aspek itu perlu segera dilakukan supaya langkah mengatasinya dapat disampaikan kepada kerajaan.

Katanya, kerajaan boleh menjadikan kajian itu sebagai sebahagian daripada pendekatan untuk membantu graduan mendapatkan pekerjaan dan memastikan kekosongan jawatan yang diiklankan dalam pasaran kerja di negeri ini diisi penduduk tempatan.

"Setiap tahun kira-kira 3,000 graduan dalam pelbagai bidang dilahirkan UMS tetapi malangnya ramai yang tidak mendapat pekerjaan walaupun sudah

lama menamatkan pengajian.

"Apa yang jelas, keadaan itu bukan disebabkan tiada kekosongan jawatan kerana pada masa sama kita terpaksa mengambil pekerja asing untuk memenuhi keperluan tempatan," katanya berucap merasmikan Persidangan Serantau Kerjasama Antara Industri dan Komuniti (RPBIC) 2010 anjuran UMS, di Hotel Grand Borneo, di sini semalam.

"Kajian mengenai aspek itu perlu segera dilakukan supaya langkah mengatasinya dapat disampaikan kepada kerajaan"

Jainab Ahmad
Pembantu Menteri
Pembangunan Sumber
dan Kemajuan Teknologi
Maklumat negeri

Persidangan dua hari bermula semalam itu dihadiri kira-kira 300 peserta, termasuk dari Indonesia, Jepun, Thailand, Korea, Filipina dan Belanda dengan membabitkan pembentangan 33 kertas kerja.

Hadir sama, Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Kamaruzaman Ampon; Dekan Sekolah Sains Sosial UMS, Prof Madya Dr Asmady Idris dan Pengurus Penganjur, Prof Madya Dr Balakrishnan Parasuraman.

Jainab berkata, langkah menyedarkan graduan supaya tidak terlalu memilih pekerjaan wajar dilaksanakan bagi memastikan kekosongan jawatan mampu diisi.

"Sikap memilih pekerjaan dengan mengutamakan kerja dengan kerajaan perlu dikikis kerana kebanyakan kekosongan jawatan yang ada hari ini adalah dalam sektor swasta.

"Selain itu, pelbagai peluang pekerjaan turut ditawarkan dalam sektor perhotelan tetapi tidak ramai yang berminat menceburinya kerana mereka



JAINAB menerima cenderahati daripada Kamaruzaman (kiri) selepas merasmikan RPBIC 2010 di Kota Kinabalu.

menganggap ia tidak sesuai untuk mereka," katanya.

Lebih malang, katanya, ada graduan yang mendapat tawaran kerja tetapi menolaknya dengan alasan yang tidak logik.

"Ada yang memberi alasan tempat kerja terlalu jauh dari tempat tinggal, tidak biasa

dengan pekerjaan yang ditawarkan dan bermacam-macam lagi sedangkan pada awalnya individu itu sendiri yang memohon.

"Ini menunjukkan pencari kerja di negeri ini terlalu memilih hingga sukar bagi majikan mendapatkan pekerjaan berkaitan pekerjaan dan mencari langkah mengatasinya.

yang memaksa majikan mengambil pekerja asing tetapi ia dipertikaikan banyak pihak," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta peserta RPBIC memanfaatkan kesempatan itu untuk membincangkan isu berkaitan pekerjaan dan mencari langkah mengatasinya.